

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir ▾

# 20 MGFT PAMER HASIL KARYA UNIK 'BRICOLAGE' FEB

IMG 4893

PULAU PINANG, 19 Februari 2016 – Muzium dan Galeri Tuanku Fauziah (MGTF), Universiti Sains Malaysia (USM) membawakan hasil seni Bricolage yang bertajuk 'Extending Ideas' karya seniman daripada Malaysia dan German bermula 15 hingga 29 Februari 2016 di MGTF USM.

'Bricolage' yang merujuk kepada penciptaan sesebuah karya seni menggunakan apa sahaja bahan daripada sumber yang mudah diperolehi dengan menggunakan tangan dapat menghasilkan sesebuah karya seni yang unik.

Menurut Pengarah MGTF USM, Zolkurnian Hassan, pameran yang diadakan ini merupakan pertama kali yang diadakan di Pulau Pinang dengan kerjasama Pertubuhan Pengkarya Seni Kuala Lumpur dan Selangor serta Goethe Institute Malaysia.

IMG 49108978

IMG 487686789

"Sebanyak 20 karya Bricolage oleh dua anak seni tempatan iaitu Elias Yamani Ismail dan Eddie Choo Wen Yi serta dua daripada German Astrid Koppe dan Veronika Neukirch dipamerkan kepada para pengunjung di mana setiap karya yang dihasilkan banyak menggunakan sumber yang sering kita gunakan dalam kehidupan seharian kita," jelasnya.

Tambah Zolkurnian, pameran ini mampu memberi kesan kepada pelawat khususnya pelajar dan penyelidik yang meminati kelainan dalam bidang seni.

"Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi, USM berbangga kerana dapat menjadikan penganjur kepada pameran yang dapat memberi inspirasi kepada pencinta karya seni dengan keunikannya yang tersendiri serta mampu memberi ilham kepada mereka," katanya ketika menyampaikan ucapan sempena perasmian pameran ini di sini, hari ini.

IMG 492686

IMG 49098789

Yang hadir sama dalam majlis ini Dekan Pusat Pengajian Seni USM, Profesor Madya Omar Bidin.

Untuk maklumat lanjut mengenai pameran 'Extending Ideas', orang ramai boleh menghubungi pihak MGTF USM di talian 04-653 4786 / 04-653 4789.



Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015